

Bil. 1/2021 | Januari | www.library.uitm.edu.my ISSN : 2735-1920

IQRA'

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary libraryuitm libraryuitm library.uitm.edu.my

m/s 6
LIVE HD

AMANAT 2021
Ketua Pustakawan
YBrs. Ts. Noor Hidayat Bin Adnan
"Perpustakaan Digital Pemangkin Kesarjanaan"
Januari 2021 | 10.00 Pagi | Dalam Talian | LIVE | Perpustakaan UTM

m/s 8

m/s 10

FREE BREAKFAST FOR STUDENTS @PTAR KABS
WEDNESDAY, 13 JANUARY 2021 (7.30am - selesai)
Kompleks Al-Farooq (PKAS)

m/s 7
LIVE HD

CyberSecurity MALAYSIA

m/s 16

Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa UITM

Amanat Ketua Pustakawan 2021

Live@PTAR Bicara Tokoh "Cyber Security Malaysia Cyber-SAFE Awareness Talk: "Excuse Me, Your Privacy is Showing"

Majlis Penganugerahan Diploma dan Ijazah UITM Cawangan Kedah

Projek SDG2 ZEROHUNGER@PTARKABS BIL. 1

Hak Cipta Terpelihara PTAR

- IQRA' January ms:1



KATA ALU-ALUAN Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Buletin IQRA bagi keluaran bulan Januari 2021. e-Buletin IQRA telah diterbitkan bagi tujuan pihak perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UiTM Shah Alam dan juga di seluruh cawangan secara

Tahun 2021 membuka lembaran dan harapan baharu terutama dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang terbaik kepada pengguna. Perubahan dalam proses pembelajaran secara *Open and Distance Learning (ODL)* dilihat perlu seiring dengan koleksi perpustakaan agar boleh digunakan secara atas talian. Pelbagai strategi baharu telah diatur dan ditambah baik demi memastikan koleksi perpustakaan kekal relevan kepada pengguna. Oleh itu, staf perpustakaan telah bersiap sedia dalam pelbagai aspek supaya dapat menyampaikan maklumat kepada pengguna meskipun dalam bentuk norma baharu. Semestinya, tahun 2021 ini bakal dilalui dengan pelbagai rintangan, namun ia mampu diatasi dengan semangat kerja berpasukan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor kerana telah berjaya menghasilkan e-Buletin IQRA ini. Selamat Tahun Baru 2021.

Terima Kasih
Wassalam.

Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,
Ketua Pustakawan

Hak Cipta Terpelihara PTAR

- IQRA' January ms:2

SIDANG REDAKSI

IQRA'

PENASIHAT	Ts. Noor Hidayat bin Adnan
KETUA EDITOR	En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman
EDITOR	Pn. Roslah binti Laman
PENOLONG EDITOR	Cik Nor Sabariah binti Mansor
PENYELARAS	Pn. Adlina binti Abdullah
REKA BENTUK GRAFIK	Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin



PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun
ISSN NO : 2735-1920

Hak Cipta Terpelihara PTAR

- [IQRA' January ms:3](#)

اقل

PAMERAN THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS: PENCAPAIAN UiTM
11 JANUARI 2020

BULETIN Disediakan oleh : *Nor Sabariah Mansor* PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM



Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan pameran Pameran The Malaysia Book of Records: Pencapaian UiTM bertempat di Galeri PTAR. Pameran ini merupakan kolaborasi antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Malaysia Book of Records dan Pusat Sukan UiTM. Ia telah berlangsung sepanjang Januari dan boleh dilayari secara atas talian melalui pameran maya. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk berkongsi kejayaan yang telah dicapai oleh warga UiTM sehingga dicatat dalam The Malaysia Book of Records.


Untuk menonton pameran ini!



اقل

PROGRAM LIBRARY OUTREACH@PTAR BERSAMA WARGA
PRA PENGAJIAN TINGGI (PPT)
13 JANUARI 2020

BULETIN



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Library Outreach@PTAR secara atas talian kepada warga Pra Pendidikan Tinggi. Program ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan perpustakaan bukan sahaja digunakan oleh warga UiTM, malah memberi manfaat yang terbaik menerusi perkhidmatan baharu PTAR.

Melalui program ini, penerangan mengenai Pelaksanaan Library Outreach telah diberikan oleh Puan Adlina Abdullah, diikuti Taklimat Orientasi oleh Encik Mohd Hazrul Mohd Hussin dan Perkhidmatan Digital Perpustakaan oleh Tuan Hj Ahmad Faizar Jaafar. Seramai 24 pelajar telah menyertai program kali ini dan semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada warga PPT.

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

4

- IQRA' January ms:4



**LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR: TAKLIMAT PROGRAM
PRA PENGAJIAN TINGGI UiTM**
13 JANUARI 2021



BULETIN

Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Program Pra Pengajian Tinggi telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "Taklimat Program Pra Pengajian Tinggi UiTM" di bawah segmen Bicara Tokoh. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A.Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama dengan panel jemputan, Profesor Madya Dr. Aini Jaapar, Pengarah Pejabat Program Pra Pengajian Tinggi UiTM Shah Alam. Pengisian program ini dimulakan dengan penerangan mengenai latar belakang dan sejarah penubuhan Program Pra Pendidikan Tinggi Universiti Teknologi MARA. Program ini adalah merupakan program berbentuk tanggungjawab sosial UiTM (Corporate Social Responsibility) yang dipertanggungjawabkan kepada UiTM untuk membantu serta memajukan pelajar Melayu dan Bumiputera menguasai ilmu pengetahuan.



Untuk menonton semula:





Program PPT ini juga merupakan program di mana pelajar Melayu, Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Anak Negeri Sarawak yang gagal untuk mendapat tempat di universiti kerana merit tidak mencukupi, peningkatan kos pengajian yang tinggi dan kegagalan dalam persaingan mendapatkan tempat pengajian di IPT. UiTM menawarkan program berdasarkan kelayakan pelajar sama ada ke program Pra Perdagangan atau Pra Sains. Sepanjang program ini juga, para pelajar akan diberi pengisian akademik, pembinaan peribadi dan kerohanian serta pembangunan modal insan.



Untuk ke pautan Program Pra Pengajian Tinggi:



Profesor Madya Dr Aini Jaapar juga berkongsi langkah-langkah untuk menyertai program ini. Menurutnya, para pelajar akan menjalani tempoh satu semester pengajian sebelum berpeluang melanjutkan pengajian Diploma UiTM dengan syarat-syarat tertentu. Pelajar akan dikesualikan daripada yuran pengajian serta yuran kolej kediaman. Elaun sara hidup sepanjang tempoh pengajian turut diberikan bagi membantu pelajar yang layak menerima bantuan. Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi Pejabat Program Pra Pengajian Tinggi UiTM Shah Alam dengan melayari laman sesawang <http://pppt.uitm.edu.my/>.

5

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:5

اقل

AMANAT KETUA PUSTAKAWAN 2021

26 JANUARI 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM

Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan program Amanat Ketua Pustakawan UiTM 2021 yang disampaikan oleh Ketua Pustakawan, YBrs. Ts. Noor Hidayat Bin Adnan. Bertemakan "Perpustakaan Digital Pemangkin Keserjanaan", program ini disiarkan secara langsung di laman Youtube Perpustakaan UiTM. Ketua Pustakawan merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua warga kerja atas usaha tanpa jemu sehingga pada tahun 2020, Perpustakaan UiTM secara puratanya telah mencapai 96.56 peratus bagi tiga petunjuk prestasi utama mengikut teras strategik UiTM iaitu Quality Education, Global Excellence dan Value

Untuk menonton semula:

Melangkah ke tahun 2021, warga Perpustakaan UiTM diseru untuk bergerak ke hadapan berpandukan enam fokus utama PTAR yang telah dibuat pemetaan bersama fokus strategik Kementerian Pengajian Tinggi dan UiTM. Enam fokus strategik tersebut ialah memperkasa agenda pendigitalan Perpustakaan UiTM, memperkukuhkan sinergi Perpustakaan UiTM, memperkasakan peranan Perpustakaan UiTM, memacu kesejahteraan komuniti, kelestarian kewangan dan menyemarakkan semangat #PTARPrihatin. Kesemua enam fokus strategik yang menjadi keutamaan perpustakaan pada tahun 2021 ini adalah selari dengan visi jangka panjang perpustakaan seperti yang terangkum dalam Pelan Strategik PTAR 2020-2025. Ketua Pustakawan, YBrs. Ts. Noor Hidayat Bin Adnan amat berharap agar Pelan Strategik Perpustakaan UiTM 2020-2025 dapat dijayakan bersama-sama oleh semua warga perpustakaan di seluruh sistem UiTM.

Bagi mencapai hasrat Pelan Strategik PTAR dan UiTM untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka di dunia menjelang tahun 2025, prinsip F.A.S.T.E.R iaitu flat, agile, streamlined, techenabled, efficient dan resilient yang telah dikongsi oleh Ketua Setiausaha Negara Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki Ali jelas menuntut penjawat awam agar bersikap agile dalam pelaksanaan kerja, fleksibel dan responsif dalam pelaksanaan sistem dan proses kerja serta tidak melenakkan kerja dengan pelbagai alasan. Justeru, apa yang telah diperkatakan oleh beliau telahpun diterapkan dalam pengurusan perpustakaan melalui prinsip nilai A.K.C.A iaitu Accountability, Knowledgeable, Commitment dan Agile. Oleh demikian, prinsip A.K.C.A yang telah dibina bersama hendaklah dijadikan sebagai teras utama dalam pelaksanaan setiap tindakan dan keputusan. Prinsip nilai ini merupakan asas kepada penghasilan produktiviti, usaha penambahbaikan yang berterusan seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan.

6

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:6

اقل

LIVE@PTAR BICARA TOKOH "CYBER SECURITY MALAYSIA CYBERSAFE AWARENESS TALK: "EXCUSE ME, YOUR PRIVACY IS SHOWING" 27 JANUARI 2021

STREAMING LIVE

BULETIN

Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM

Untuk menonton semua:

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "Cyber Security Malaysia CyberSAFE Awareness Talk: "Excuse Me, Your Privacy is Showing" di bawah segmen Bicara Tokoh. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku pengacara majlis bersama dengan panel jemputan, Encik Edwan Aidid, Certified Information Security Awareness Manager (CISAM), Cyber Security Malaysia. Cyber Security Malaysia merupakan satu agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang berpengalaman dalam bidang keselamatan cyber di Malaysia.

Panel jemputan menekankan empat prinsip keselamatan cyber yang perlu diambil perhatian oleh pengguna iaitu awareness, discipline, attitude dan best practices. Menurut beliau, terdapat tiga platform utama yang banyak digunakan iaitu Whats App, Facebook dan Instagram. Selain itu, Encik Edwan Aidid turut berkongsi taktik-taktik yang telah digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil data peribadi pengguna tanpa disedari seperti fraud, scams dan caller spoofing. Oleh yang demikian, beliau menasihati pengguna agar berhati-hati dalam membuat transaksi secara atas talian dan boleh membuat semakan nombor akaun atau nombor telefon di Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Polis DiRaja Malaysia. Beliau menyeru agar pengguna menjadi 'pemimpin internet' dengan mengamalkan T.I.P iaitu Thinker, Inspire dan Proactive. Semoga perkongsian kali ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya warga UiTM.

7

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:7



KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (TNC) AKADEMIK DAN ANTARABANGSA UiTM

26 JANUARI 2021

BULETIN

Disediakan oleh : *Nor Sabariah Mansor*

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM



Satu kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa, UiTM telah dilaksanakan pada 26 Januari 2021 bertempat di Pejabat TNCHEA. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disediakan. Kedatangan wakil PTAR telah disambut mesra oleh Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa. En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan yang mengetuai kunjungan hormat ini telah memberi taklimat dan berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan PTAR dibantu oleh En. Mohd Ismail Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan, Pn. Adlina Abdullah, Pustakawan Kanan dan En. Mohd Alfاربة Mohd Nasir, Pustakawan Kanan. Pameran Book2u turut diadakan dan sebanyak 19 buah buku telah dipinjam oleh Prof. Dr. Hajah Roziah.



PROGRAM LIBRARY OUTREACH AMBASSADOR@PTAR

12 JANUARI 2021

BULETIN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Library Outreach Ambassador@PTAR secara atas talian kepada warga wakil-wakil kelas yang dilantik sebagai Ambassador. Program Ambassador ini merupakan salah satu usaha untuk mengeratkan hubungan kerjasama di antara perpustakaan dengan fakulti/bahagian/pusat yang sangat penting dalam pembangunan intelektual universiti. Dengan adanya seorang wakil daripada setiap wakil kelas bagi semua fakulti yang dinamakan sebagai Ambassador@PTAR, komunikasi dua hala akan terjalin dengan lebih baik dan berkesan di masa akan datang. Program ini bertujuan untuk memaklumkan perancangan dan pelaksanaan program Ambassador@PTAR oleh Pn. Roslah Laman, Ketua Bahagian Komunikasi Korporat. Begitu juga dengan perancangan dan pelaksanaan program Program Library Outreach@PTAR yang disampaikan oleh Pn. Adlina binti Abdullah, Pustakawan Kanan. Beliau juga turut menyampaikan taklimat mengenai perkhidmatan digital perpustakaan. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat berguna kepada warga UiTM.

8

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:8



HYPERTENSION: MANAGE YOUR DIET WELL

11 JANUARI 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Nur Fatimah binti Razak

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SELANGOR, PUNCAK ALAM





STREAMING LIVE

Untuk menonton semula:







<p>Jumlah Tontonan Semasa Program Dijalankan:</p> <p>Youtube Perpustakaan UiTM : 307 viewers</p> <p>FB PTAR PP UiTM : 367 viewers</p> <p>Jumlah View semasa : 674 viewers</p>	<p>Link Program:</p> <p>Facebook: https://bit.ly/3cqAq3Z</p> <p>YouTube: https://youtu.be/SM_zPYfg33I</p>
--	--

Pada 20 Januari 2021 (Rabu), julung kalinya program Live@PTAR dianjurkan oleh PTAR Kampus Puncak Alam dengan memilih segmen bicara pakar yang bertajuk "Hypertension: Manage your diet well". Ia merupakan program perkongsian pengetahuan, maklumat, idea dan pandangan dikalangan Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan. Segmen ini telah mendapat kerjasama yang baik dengan Fakulti Sains Kesihatan dengan menengahkan panel jemputan yang terdiri daripada Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan. Maklumat program adalah seperti berikut:

Moderator: Nur Fatimah Muhamad, Pustakawan, PTAR UiTM Puncak Alam.

Panel Jemputan:

- Encik Muhammad Hakim Abd Jalil, Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan
- Puan Siti Norfatimah Ismail, Pegawai Dietetik, Pusat Pengajian Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan

Objektif:

- Penganjuran program ini dapat membudayakan program ilmiah berteraskan perkongsian bicara pakar mengenai topik "Hypertension: Manage your diet well".
- Memberi kesedaran mengenai bahaya penyakit tekanan darah tinggi, langkah pencegahan dan penjagaan makanan.
- Berkongsi mengenai pengurusan, cabaran dan bagaimana tips pemakanan dan penjagaan makanan dikalangan pesakit tekanan darah tinggi terutamanya di waktu Pandemik COVID-19.

9

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:9



PROJEK SDG2 ZEROHUNGER@PTARKABS BIL. 1
14 JANUARI 2021

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SELANGOR,
KOMPLEKS ALAM BINA & SENIREKA

BULETIN

Disediakan oleh : Norliza Dthman








FREE
BREAKFAST FOR STUDENTS
@PTAR KABS

THURSDAY,
JAN 14 2021 (7.30am - selesai)

See you at:
Perpustakaan Kompleks Alam Bina & Seni Reka (PKAS)

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

PLEASE LIKE & SHARE FB PTAR KABS
For more information: Scan this QR Code to start a WHATSAAP CHAT with PTAR KABS. Librarian consultation also available during MOU





Pada 14 Januari 2021, staf PTAR KABS telah menjalankan aktiviti Sustainable Development Goals (SDG)2 Zero Hunger@PTARKABS. Aktiviti yang dijalankan adalah memberikan makanan sarapan secara percuma kepada para pelajar yang tinggal di Kolej Zamrud dan Baiduri di Kompleks Alam Bina & Senireka, sebelum mereka pergi ke kelas masing-masing. Roti dan air mineral telahpun diagihkan kepada para pelajar bermula dari jam 7.30 pagi sehingga selesai. Pengagihan makanan telah dilakukan di bus stop tempat menunggu bas shuttle di Kompleks Alam Bina & Senireka iaitu tempat yang menjadi tumpuan para pelajar sama ada untuk pergi ke kelas, makmal atau tugas Klinik di Hospital Sungai Buloh. Lebihan makanan untuk sarapan telah diletakkan di sudut wakaf di Kafeteria Kompleks Alam Bina & Senireka untuk memberi kemudahan kepada para pelajar yang memerlukan bekalan makanan di kolej semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0. Jumlah makanan yang telah berjaya diagihkan adalah roti dan air mineral sebanyak 200 unit.

10

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:10

اقل

LIVE@PTAR BICARA BERSAMA PAKAR O&G KUMPULAN MATERNOFETAL AND EMBRYO (MATE) DAN PAKAR ENDOKRIN, FAKULTI PERUBATAN UiTM - OBESITI & KEHAMILAN
21 JANUARI 2021

BULETIN Disediakan oleh : Wan Rohani Wan Chin PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK CAWANGAN SELANGOR SG. BULOH

Live@PTAR SIRI 2/2021
SEGMENT BICARA PAKAR

STREAMING LIVE

Live@PTAR UCS
Segmen Bicara Pakar bersama Pakar O & G Kumpulan Maternofetal and Embryo (MatE) dan Pakar Endokrin, Fakulti Perubatan UiTM :
Obesiti Dan Kehamilan

Khamis | 21 Januari 2021 | 2.30 pm

Tonton secara langsung di
YouTube: Perpustakaan UiTM
&
Facebook: PTAR UiTM Kampus Sg. Buloh

Panel 1:
Asoc. Prof. Dr. Suzanna Daud
Pakar O & G

Panel 2:
Dr. Sharifah Faridha Wan Muhamad Hatta
Pakar Endokrin

Moderator:
Asoc. Prof. Dr. Bahiyah Abdullah
Pakar O & G

STAY CONNECTED
Android | iPhone | App Store

Perpustakaan UiTM

Perpustakaan UiTM Kampus Sungai Buloh "Fakulti Perubatan & Pergigian"

Untuk menonton semula:

Pada 21 Januari 2021, Khamis, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM kampus Sungai Buloh dengan kerjasama Kumpulan Maternofetal and Embryo (MatE) dan Pakar Endokrin, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sungai Buloh telah mengadakan program siaran langsung, segmen bicara pakar dengan topik menarik **Obesiti dan Kehamilan**. Objektif program ini diadakan adalah untuk membudayakan program ilmiah berteraskan **pembudayaan galakan membaca, meningkatkan ketampakan (visibility) Perpustakaan Tun Abdul Razak dari usaha-usaha pembudayaan ilmu, dan menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu**. Program selama satu jam yang bermula pada jam 2.30 petang dikendalikan oleh moderator, **Profesor Madya Dr. Bahiyah Abdullah (Pakar O&G) bersama dua orang panel Profesor Madya Dr. Suzanna Daud (Pakar O&G) dan Dr. Sharifah Faridha Muhamad Hatta (Pakar Endokrin)**.

Program ini boleh disaksikan melalui laman:
YouTube: <https://www.youtube.com/watch?v=XfpXZPtPaw0>
Facebook: <https://www.facebook.com/819867641440197/posts/3635706619856271/>

Jumlah tontonan adalah seramai 681 viewers dan memperoleh cadangan agar program seperti ini dapat dijalankan lagi pada masa yang datang.

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:11

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

UiTM *di hatiku*

Pameran Maya

SEJARAH KEGEMILANGAN BUKIT BESI

eExhibition@Library UITMCTKBB Vol.1 2021
Perpustakaan Cendeklawan
UITM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi

Scan me

Beautiful
Terengganu
Malaysia

Pameran Maya: Sejarah Kegemilangan Bukit Besi memaparkan informasi berkenaan sejarah sebuah penempatan yang asalnya dikenali sebagai Seri Bangun bertukar nama kepada Bukit Besi disebabkan oleh penemuan batu yang mengandungi bijih besi. Hasil daripada kegiatan perlombongan bijih besi maka terbentuklah sebuah bandar baru metropolitan yang lengkap dengan prasarana termasuklah kemudahan keretapi dan menjadikan Bukit Besi terkenal sebagai pengeluar bijih besi terbesar di Asia Tenggara. Kini hanya tinggal beberapa artifak dan monumen sebagai bukti kewujudan zaman kegemilangan tersebut.

12

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:12

اقل

**eINFODISCOVERY@LIBRARY VOL. 1/2021:
TAHUKAH ANDA..? (EDISI TENTANG HAIWAN)**

BULETIN Disediakan oleh : **Asmahani Abdullah** PERPUSTAKAAN TUN ABUL RAZAK
CAWANGAN TERENGGANU



**TAHUKAH ANDA??
..TENTANG HAIWAN**

disediakan oleh: Asmahani Abdullah
Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun, UiTM Cawangan Terengganu

eInfo Discovery@Library Vol. 1/2021 terbitan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun kali ini membawakan maklumat pelik dan menarik mengenai haiwan di dunia dengan tajuk *Tahukah Anda..?: Edisi Tentang Haiwan*. Kepelbagaian maklumat ini dapat menambahkan pengetahuan sekaligus membolehkan pembaca mengenali spesies haiwan dunia. Kepada pembaca yang mempunyai *Trypophobia* atau fobia melihat gambar pelik, pembacaan adalah atas risiko sendiri.

Maklumat lanjut sila imbas kod QR pada poster. Semoga bermanfaat.

اقل

DIALEK TERENGGANU@PCUiTMCT BIL. 1/2021:

BULETIN

Penerbitan *Dialek Terengganu@PCUiTMCT Bil. 1/2021* ini adalah hasil kompilasi dari penerbitan mingguan *Dialek Terengganu@PCUiTMCT* di platform media sosial Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun. Objektif penerbitan ini adalah untuk memperkenalkan kepada umum terutamanya masyarakat luar Terengganu kepada perkataan-perkataan harian yang digunakan oleh masyarakat tempatan, bersama contoh ayat dan terjemahan.

Tranung negeghi comey, budaye menaghik, bahase unik. Begheh bohhl!

Maklumat lanjut sila imbas kod QR pada poster.




**DIALEK TERENGGANU
BIL. 1/2021**

disediakan oleh: Asmahani Abdullah
Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun


- IQRA' January ms:13

اقل
LIVE@WPU UiTMCT "LITERATURE SEARCH: HUNTING THROUGH EZAccess
31 JANUARI 2021
BULETIN
 Disediakan oleh : **Asmahani Abdullah**
 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
 CAWANGAN TERENGGANU



Unit Penulisan dan Penerbitan (WPU) UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan sesi LIVE@WPU 2021 - Literature Search: Hunting Through EZAccess pada 31 Januari 2021, Ahad. Taklimat diberikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun, sebagai penceramah jemputan dengan pengisian pencarian artikel melalui EZAccess, pemilihan jurnal serta akses jurnal yang berkualiti untuk penerbitan berimpak tinggi. Seramai lebih 70 orang pensyarah UiTM Cawangan Terengganu telah mengikuti sesi taklimat selama dua jam ini dengan kebanyakannya berpuas hati serta memberi komen positif dengan perkongsian yang diberikan. Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

اقل
eEXHIBITION@LIBRARY VOL. 1/2021
TANAMAN LANDSKAP - POKOK RENEK
BULETIN



eExhibition@Library UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu Vol. 1/2021 adalah merupakan penerbitan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu yang membawakan topik Tanaman Landskap: Pokok Renek. Selain itu, dapat mengenali pelbagai jenis pokok renek, pembaca juga boleh mengetahui ciri-ciri, bentuk, tekstur, ketinggian, fungsi dan maklumat lain yang boleh membantu untuk merancang landskap kediaman mahupun pejabat.

Maklumat lanjut sila imbas kod QR pada poster. Semoga bermanfaat.

- IQRA' January ms:14

اقل

PROGRAM PTA BERMUNAJAT DAN BERSELAWAT 2021
PERINGKAT KAMPUS UiTM CAWANGAN KELANTAN
4 JANUARI 2021

STREAMING LIVE

BULETIN

Disediakan oleh : Muslim bin Ismail

PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS
CAWANGAN KELANTAN

PROGRAM PTA BERMUNAJAT DAN BERSELAWAT 2021 Recorded live

Perpustakaan Tengku Anis Machang
TEKNOLOGI MARA

STAY CONNECTED
RESPONSE | anytime | anytime

PROGRAM PTA
BERMUNAJAT
DAN BERSELAWAT

LIVE 4 JAN 2021

Perpustakaan Tengku Anis

11.30 Pagi : Tazkirah - Pembentukan Sikap
Oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed
(Rektor UiTM Cawangan Kelantan)

11.45 Pagi : Wacana Ilmu - Kelebihan Berselawat
Oleh YBrs. Ustaz Dr Mohd Nazri Mat Zin
(Kordinator Unit Zakat, Sedekah & Wakaf)

1.00 Petang : Solat Zohor, Solat Hajat, Tahill & Selawat

#Read@UiTM "LibraryForAll" UiTM

Anjuran : PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS Dengan Kerjasama : UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & UNIT LATHAN, BAHAGIAN PENTADBIRAN

Bersama Pergerakan Wabau Covid-19

Like Comment Share

Jeng Mus, Aida Mustapha and 33 others · 9 comments

15

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

Sempena menyambut tahun baharu 2021, Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan telah diberi amanah untuk menganjurkan aktiviti kampus iaitu program bercorak kerohanian dan keagamaan bagi memohon perlindungan dari wabak yang sedang melanda. Program ini dimulakan dengan tazkirah oleh Yang Berbahgia Rektor UiTMCK, Prof Madya Dr. Zulkifli Mohamed dengan tajuk 'Pembentukan Sikap'. Satu wacana ilmu juga disediakan bersama Al-fadhil Ustaz Dr Mohd Nazri Mohd Zin, selaku Koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf. Wacana ilmu kelebihan berselawat itu membicarakan definisi, keutamaan, fadilat dan kaifiat selawat ke atas Nabi Muhammad sallahu alaihi wasalam. Buku-buku selawat PTA dan UiTM Digital Library App juga dipromosikan dalam wacana ilmu ini. Program ini juga adalah sokongan kepada aktiviti Read@UiTM 2021. Kemuncak program ialah acara berselawat dan disu-dahi dengan solat hajat memohon rahmat dan perlindungan Allah.

Rakaman program ini boleh dilihat di pautan
<https://www.facebook.com/177550368963091/videos/253943539524606>
Atau Imbas Kod QR Di Sebelah

Untuk menonton semula:



- IQRA' January ms:15

اقل

MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA DAN IJAZAH UiTM CAWANGAN KEDAH
5-7 JANUARI 2021

BULETIN Disediakan oleh : Zakaria Muhamad PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
CAWANGAN KEDAH

Pada 5-7 Januari 2021, UiTM Cawangan Kedah telah mengadakan Majlis Penganugerahan Diploma & Ijazah Universiti Teknologi MARA Tahun 2020 yang berlangsung selama 3 hari di Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah. Penglibatan staf Perpustakaan Sultan Badlishah dalam beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penyambut Tetamu, Jawatankuasa Hiasan Dewan dan Pentas, Jawatankuasa Pembaca Nama Graduan dan Jawatankuasa Fotografi. Penganugerahan Diploma & Ijazah ini adalah melalui kaedah secara Janji Temu dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

16

- IQRA' January ms:16

**PROGRAM BENGKEL LATIHAN INDUSTRI:
JANGKAAN DAN HARAPAN MAJIKAN UiTM CAWANGAN KEDAH
13 JANUARI 2021**

BULETIN

Disediakan oleh : Zakaria Muhamad

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
CAWANGAN KEDAH



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani



Perpustakaan Sultan Badlishah
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

BENGKEL LATIHAN INDUSTRI

JANGKAAN DAN HARAPAN MAJIKAN

TARIKH : 13 JANUARI 2021
HARI : RABU
MASA : 10.30 a.m. - 12.30 p.m.
MEDIUM : GOOGLE MEET

Bersama :

PN. AZIZAH KHASIM
Timbalan Ketua Pustakawan
PSB UiTM Kedah



PN. ANIS FARADELLA
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kedah






**PELAJAR SEMESTER 3 IM120
DIWAJIBKAN HADIR**

Pada 13 Januari 2021, Kelab Association of Library Management (ALiM) dengan kerjasama pihak Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan bengkel Latihan Industri. Bengkel ini dianjurkan sebagai persiapan awal untuk para pelajar Semester 3 Diploma Pengurusan Perpustakaan (IM120) UiTM Cawangan Kedah menjalani latihan industri. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar-pelajar juga kurang bersedia untuk menjalani latihan industri terutamanya pada waktu Pandemik COVID-19 ini.

Berikut merupakan objektif bengkel ini diadakan:

1. Menjadi salah satu platform persediaan untuk pelajar sebelum menjalani latihan industri.
2. Mendedahkan pelajar tentang perkara yang mereka perlu lakukan ketika menjalani latihan industri.
3. Mendedahkan panduan mengenai etika, peraturan dan tata tertib harian.
4. Membina keyakinan dan semangat kepada pelajar untuk menempuh alam pekerjaan.
5. Membuka minda semua pelajar mengenai kepentingan persediaan latihan industri.

17

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:17

اقل

KEMBARA FIKSYEN
10 - 12 JANUARI 2020

BULETIN *Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat* **PERPUSTAKAAN TUN ABOL RAZAK**
CAWANGAN JOHOR



Pejabat Polis Bantuan Bilik Rehat Pensyarah UHEI & Unit Kerjaya Kaunseling

Pejabat Bendahari Hal Ehwal Pelajar Hal Ehwal Akademik

Objektif program:

- Membudayakan program ilmiah berteraskan pembudayaan galakan membaca
- Meningkatkan ketampakan Perpustakaan Tun Dr. Ismail dari usaha-usaha pembudayaan ilmu
- Pencapaian Performance Indicator 2 : Bilangan pinjaman bahan perpustakaan
- Menambahkan pengetahuan warga tentang My Account WebOPAC
- Menyokong Sustainable Development Goal ke 4 : Quality Education
- Menyokong aktiviti sempena program Kuala Lumpur sebagai IBU KOTA BUKU DUNIA yang bermula pada 23 April - 22 April 2021 (<https://www.kualalumpurwbc.com/>)



Sekitar Program
Kembara Fiksyen

اقل

PROGRAM LIBRARY OUTREACH: STAF PENTADBIRAN
18 JANUARI 2020

BULETIN



KARITANGAN PENTADBIRAN,
UiTM CAWANGAN JOHOR,
KAMPUS SEGAMAT

LIBRARY OUTREACH

LOP1 - Cawangan Pembinaan
LOP2 - Pengurusan Rujukan
LOP3 - Subsektor Penyelidikan
LOP4 - Repositori Universiti
LOP5 - Perpustakaan Digital

18 JANUARI 2021
10 PAGI HINGGA 11 PAGI
CISCO WEBEX

KEMBARA NIKAH BEREKODAN KE DALAM LOG LATIHAN

Program Library Outreach telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Januari 2021, secara atas talian. Program ini mensasarkan staf pentadbiran dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 132 orang. Melalui platform ini aktiviti promosi berkaitan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan dapat disampaikan secara terus kepada warga UiTM Cawangan Johor. PTDI turut menerima maklumbalas yang sangat positif dan diharapkan dengan adanya program Library Outreach ini sedikit sebanyak menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan staf Pentadbiran dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan.



18

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:18

اقل

PERKONGSIAN HADITH MINGGUAN PTAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG BERMULA JANUARI 2020

BULETIN *Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam* **PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK CAWANGAN PERMATANG PAUH**

Bermula Januari 2021, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah memulakan Program Hadith Mingguan yang melibatkan semua staf PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang. Aktiviti ini diadakan pada hari Khamis setiap minggu. Seorang staf akan menyampaikan satu hadith berserta huraianya melalui peralatan siaraya di dalam perpustakaan untuk meneruskan kelestarian budaya membaca dalam kalangan staf perpustakaan.

Memandangkan PKP telah dilaksanakan pada pertengahan bulan Januari di Pulau Pinang, medium penyampaian hadith ini telah dibuat menggunakan aplikasi WhatsApp. Sepanjang bulan Januari, aktiviti Hadith Mingguan ini telah diadakan sebanyak 3 kali dengan menampilkan 3 orang staf dengan menyampaikan tajuk hadith masing-masing tentang kekayaan, hati dan mengasihni saudara.

HADITH MINGGUAN PTAR
APA ERTI KEKAYAAN?
 Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Berkahlah kekayaan itu kerana menyekanya harta, akan tetapi kebajikannya itu adalah lagna hati".
Pengajaran
 1. Hadith tersebut berkaitan dengan harta yang dipaparkan bahawa ia adalah berkah, apabila ia berkah kerana ia akan menyekanya dengan lagna hati. 2. Kekayaan sebenarnya adalah lagna hati yang berkah kerana ia akan menyekanya dengan lagna hati. 3. Apabila kita lagna hati, ia akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah kerana ia akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah.
HADITH MINGGUAN PTAR
MENGASIHNI SAUDARA
 Daripada Abu Hurairah Anas bin Malik r.a. Khawlan Rasulullah SAW, daripada Nabi SAW, Beginda bersabda: "Seorang kamu tidak boleh beriman sehingga dia mengasihni saudaranya sebagaimana dia mengasihni dirinya sendiri".
Pengajaran Hadith
 1. Kita sebagai umat manusia adalah antara berkah, jika kita mengasihni saudara kita akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah. 2. Apabila kita mengasihni saudara kita akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah kerana ia akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah. 3. Kita sebagai umat manusia adalah berkah, jika kita mengasihni saudara kita akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah kerana ia akan menyekanya dengan lagna hati yang berkah.
HADITH MINGGUAN PTAR
HATI... MENGASIHNI HATI, CARA MENYIKSAH HATI
 Hati adalah buku terpanjang dalam diri manusia. Ia boleh menjadi pengasah diri kita untuk menjadi lebih baik. Hati adalah buku terpanjang dalam diri manusia. Ia boleh menjadi pengasah diri kita untuk menjadi lebih baik. Hati adalah buku terpanjang dalam diri manusia. Ia boleh menjadi pengasah diri kita untuk menjadi lebih baik.
Pengajaran Hadith
 1. Hati adalah buku terpanjang dalam diri manusia. Ia boleh menjadi pengasah diri kita untuk menjadi lebih baik. 2. Hati adalah buku terpanjang dalam diri manusia. Ia boleh menjadi pengasah diri kita untuk menjadi lebih baik. 3. Hati adalah buku terpanjang dalam diri manusia. Ia boleh menjadi pengasah diri kita untuk menjadi lebih baik.

اقل

HOME READING & BOOK SHARING 13 - 26 JANUARI 2020

BULETIN

Berikutan dengan Perintah Kawalan Pergerakan pada 13 Januari hingga 26 Januari 2021, Unit Perkhidmatan Pelanggan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Home Reading & Book Sharing yang melibatkan staf Unit Perkhidmatan Pelanggan (UPP), PTAR Kampus Permatang Pauh. Program ini telah diadakan melalui platform Google Meet dengan setiap sesi diisi dengan perkongsian daripada dua orang staf tentang buku yang dipinjam dan telah dibaca. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengadakan saluran perkongsian ilmu melalui pembacaan dan meningkatkan amalan membaca untuk tujuan rekreasi dan literasi ilmu dalam kalangan staf perpustakaan. Berikutan sambutan yang amat menggalakkan, pihak UPP bercadang untuk meluaskan lagi sesi perkongsian ini dengan staf-staf unit lain pada masa akan datang.

HOME READING BOOK SHARING 13 JANUARI 2021
 Tajuk: Membantu Membantu
 Author: Khasni Khasni
 Call No: 01302 02 843 2818
 Book Sharer: Nur Anwarul Ulfahani Khasni

HOME READING BOOK SHARING 14 JANUARI 2021
 Tajuk: An-Cash
 Author: Rasha Rasha
 Call No: 01714 384 2818
 Book Sharer: Rafidah Muhamad Sam

HOME READING BOOK SHARING 15 JANUARI 2021
 Tajuk: Praktek Seder Mulu
 Author: Ahmad Fauzi Mansor Yusoff
 Call No: 01783 3 328 2818
 Book Sharer: Nur Anwarul Ulfahani Khasni

HOME READING BOOK SHARING 16 JANUARI 2021
 Tajuk: Praktek Seder Mulu
 Author: Rasha Rasha
 Call No: 01714 384 2818
 Book Sharer: Nur Anwarul Ulfahani Khasni

HOME READING BOOK SHARING 17 JANUARI 2021
 Tajuk: Praktek Seder Mulu
 Author: Rasha Rasha
 Call No: 01714 384 2818
 Book Sharer: Nur Anwarul Ulfahani Khasni

- IQRA' January ms:19

اقبل

LIBRARY OUTREACH 2021: BOOK2U - JOM PINJAM BUKU
PTAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM
22 JANUARI 2020

BULETIN Disediakan oleh : Nurhayati binti Hassan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN PULAU PINANG

LIBRARY OUTREACH 2021
BOOK2U:
JOM PINJAM BUKU

Tarikh: 8 Januari 2021 (Jumaat)
 Tempat: Kafe Kolej Az-Zahrawi
 Masa: 9.30 pagi - 12.00 t/hari

AKTIVITI

- PAMERAN BUKU
- PINJAMAN BUKU
- KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT
- KUIZ E-BOOK
- SHEET CORNER

Ceramah oleh 30 Perajen Stream 1
 Gubahan untuk pameran Kelas Kemahiran Maklumat





UITMCCP Kampus Bertam telah menjalankan Program Library Outreach pada 8 Januari di Kolej Az-Zahrawi. Fokus program kali ini adalah menggalakkan budaya membaca di kalangan warga kampus dengan mempromosikan pinjaman buku-buku perpustakaan dan akses koleksi e-Book. Seramai 21 siswa, siswi dan staf telah mengunjungi booth yang telah disediakan, di mana sebanyak 29 naskah buku telah dipinjam serta 13 siswi telah menyertai betul Kuiz e-Book.

اقبل

LIBRARY OUTREACH@PTAR BERSAMA FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM
27 JANUARI 2020

BULETIN Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

Program Library Outreach@PTAR bersama Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) UITM Cawangan Pulau Pinang (UITMCCP) telah berlangsung pada 27 Januari 2021 melalui platform Google Meet. Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada warga FKA UITMCCP.

Antara tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan terkini di PTAR serta mendapatkan maklumbalas daripada warga fakulti bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan di PTAR. Program yang berlangsung selama 2 jam ini dimulakan dengan ucapan aluan Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Hayati Mokhtaram dan disusuli dengan beberapa taklimat daripada Pustakawan berkaitan perkhidmatan perpustakaan digital, perkhidmatan sokongan dan penyelidikan, pembangunan bahan perpustakaan serta perkhidmatan Arkib Universiti. Para peserta turut dialu-alukan untuk bertanya soalan kepada Pustakawan sepanjang program ini berlangsung.

LIBRARY OUTREACH@PTAR
 Bersama
 Fakulti Kejuruteraan Awam

27 JANUARI 2021 (RABU)
 10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
 PLATFORM GOOGLE MEET
<http://meet.google.com/aja-hati-oyu>

SILA JAMBAI
 ADD QR

Perkhidmatan warga Fakulti Kejuruteraan Awam UITMCCP amatlah
 Boleh dijumpai



20

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:20

اقل

PROGRAM WAKAF 5.0 LIVE@PAB: SEGMENT BICARA PAKAR: PENGURUSAN REKOD PASCA BANJIR

29 JANUARI 2021

STREAMING LIVE

BULETIN

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
CAWANGAN PAHANG

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | 4G/5G

WAKAF 5.0

Segmen Bicara Pakar

PENGURUSAN REKOD PASCA BANJIR

29 Januari 2021 (Jumaat)
10.00 Pagi - 11.00 Pagi

Live@PTAR UCP Siri 1

LIVE <https://www.facebook.com/library.uitm.pahang/>

Panel:
Wan Nurul Asnidayu binti Wan Zawawi
Pegawai Arkib Kanan,
Unit Latihan Arkib,
Seksyen Konsultansi dan Latihan,
Arkib Negara Malaysia

Moderator:
Norfitriah binti Mat Seman
Pustakawan Kanan,
Perpustakaan Al-Bukhari,
UiTM Cawangan Pahang

librariyalbukhari | libutmpahang | fuitmpahang | http://library.pahang.uitm.edu.my

Perpustakaan Nasional
Membentuk Masa Depan

Pada 29 Januari 2021 (Jumaat), satu program Wakaf 5.0 Live@PAB: Segmen Bicara Pakar: Pengurusan Rekod Pasca Banjir telah diadakan anjuran Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM). Bual Bicara ini dibawah segmen bicara pakar yang membincangkan tentang kesan kemusnahan rekod dan dokumen penting akibat bencana banjir. Selain itu, beberapa kaedah pemuliharaan rekod juga dikongsikan oleh ANM (Ibu Pejabat) dan ANM Negeri Pahang.

Program ini telah dikendalikan oleh Puan Norfitriah bt Mat Seman sebagai moderator, Pustakawan Kanan PAB dan panel jemputan adalah Puan Wan Nurul Asnidayu binti Wan Zawawi, Pegawai Arkib Kanan, Unit Latihan Arkib, Seksyen Konsultansi dan Latihan, Arkib Negara Malaysia.

Sambutan mengalakkan diberikan oleh peserta terutama staf UiTM Cawangan Pahang dengan tontonan lebih 1,897 orang dari seluruh kampus UiTM. Program juga menyediakan jam latihan kepada staf UiTM yang menyertai sehingga tamat siaran langsung tersebut dengan penyertaan seramai 571 peserta yang telah mendaftar.

21

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:21

**PAMERAN MAYA@PAB: PAMERAN MISI SUKARELAWAN BANJIR
UiTM CAWANGAN PAHANG
20 JANUARI 2021**

BULETIN *Disediakan oleh : Roshairi Che Razali* **PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
CAWANGAN PAHANG**



**MISI SUKARELAWAN BANJIR
UiTM CAWANGAN PAHANG
2021**

Pada 20 Januari 2021 (Rabu), beberapa buah negeri di Malaysia telah mengalami bencana banjir yang mengakibatkan pelbagai kemusnahan dan kerosakan berlaku. Atas inisiatif dan maklumat itu, Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menyediakan satu pameran maya bertajuk Misi Sukarelawan Banjir UiTM Cawangan Pahang.

Pameran ini disediakan secara maya yang boleh diakses menggunakan Kod QR yang disediakan. Terdapat 26 helai muka surat yang berkaitan misi sukarelawan UiTM Cawangan Pahang yang memberi bantuan kepada mangsa yang terjejas.



BAJIR MEMBAWA BAHAYA

Untuk menonton pameran maya ini:





PELUNCURAN DAN KEMERIAH KEMAH-KEMAH SUKARELAWAN UiTM



**MISI ELAK COVID-19
DI MUSIM BANJIR**

- IQRA' January ms:22

اقل

PAMERAN BENCANA BANJIR DI NEGERI PAHANG 2021
20 JANUARI 2021

BULETIN Disediakan oleh : *Roshairi Che Razali* PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
CAWANGAN PAHANG

Bermula 20 Januari 2021 (Rabu), Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan satu pameran yang bertajuk: Pameran Bencana Banjir Di Negeri Pahang 2021 untuk dipamerkan kepada semua warga UiTM Cawangan Pahang.

Maklumat berkaitan bencana banjir ini diperolehi daripada pelbagai sumber sah seperti media sosial jabatan kerajaan, saluran akhbar online serta maklumat daripada keratan akhbar tempatan yang dilanggan oleh Perpustakaan Al-Bukhari.

Semua maklumat berkaitan bencana banjir ini dipamerkan di sudut pameran di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang. Sebanyak lebih 50 keping gambar di lokasi bencana sekitar Negeri Pahang dipamerkan mengikut lokasi.



**BENCANA BANJIR
DI PAHANG** 2021

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

23

- IQRA' January ms:23

اقل

**MAJLIS BACAAN SURAH AL-KAHFI DAN SURAH YASIN
DENGAN KERJASAMA UHEI UiTM CAWANGAN MELAKA
8 JANUARI 2020**

BULETIN *Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin* **PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN MELAKA**

Majlis bacaan surah al-Kahfi dan surah Yasin ini dijalankan di ruang kerja Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah pada hari Jumaat bermula jam 8.30 pagi hingga jam 9.30 pagi. Bacaan diketuai oleh Imam Abd Akmal Fitrie bin Abd Aziz dan turut di ikuti secara atas talian oleh seluruh warga UiTM Cawangan Melaka melalui pautan Google Meet.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi meraikan Jumaat yang berbahagia serta bermulanya tugasan pegawai dan beberapa rakan sekerja di ruangan tersebut walaupun masih belum berfungsi sepenuhnya secara keseluruhan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Melaka antaranya Yang Berbahagia Rektor, Profesor Dr. Abd Halim Mohd Nor.




اقل

**TAKLIMAT PELARASAN STATISTIK PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA
14 JANUARI 2020**

BULETIN

Taklimat pelarasan statistik telah disampaikan oleh Pn. Sariah Che' Man, Pembantu Pustakawan Tertinggi yang turut bertanggungjawab mengumpul dan memuat naik data statistik bagi ketiga-tiga kampus cawangan ke dalam portal Executive Information System (EIS). Taklimat disampaikan secara atas talian menggunakan platform Cisco Webex kepada warga PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Tujuan taklimat ini disampaikan adalah untuk memastikan bahawa data statistik yang diserahkan atau dimuat naik oleh pemilik data kepada beliau adalah benar dan tepat bagi mengelakkan sebarang kesilapan atau pembetulan di kemudian hari. Hal ini lanjutan daripada teguran Ketua Pustakawan kepada seluruh PTAR Kampus Cawangan agar staf memberikan maklumat yang tepat lagi sahih untuk memudahkan rujukan mana-mana pihak. Selain itu, taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf dalam memastikan pencapaian unit masing-masing dalam menggunakan portal EIS.



24

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:24

اقبل

**SESI PERKONGSIAN VALIDASI ARTIKEL
PENYELIDIKAN@SISTEM PRISMa
21 JANUARI 2020**

BULETIN Disediakan oleh : *Muhammad Shafiq Snin* PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN MELAKA

Stay Connected

**SESI PERKONGSIAN VALIDASI ARTIKEL
PENYELIDIKAN@SISTEM PRISMa
PTAR UITM CAWANGAN MELAKA**

TARIKH : 21 JANUARI 2021
MASA : 9.00 PAGI - 11.00 PAGI
PLATFORM : CISCO WEBEX

usaha.
TAKWA.
mulia

Sesi Perkongsian Validasi Artikel Penyelidikan@Sistem PRSma telah disampaikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan Yang diadakan secara atas talian dengan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka bersama Koordinator PRISMa PTAR Cawangan yang telah dilantik. Tujuan sesi dijalankan bagi menyelaraskan proses validasi rekod penerbitan di PRISMa, MyCite dan MyJurnal, melaksanakan proses semakan h-indeks, muat naik artikel dan proses input metadata ke MyJurnal, serta meningkatkan pemahaman staf tentang fungsi dan tugas utama sokongan penyelidikan di perpustakaan.






25

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:25

اقل

**PAMERAN MAYA: PTAR UiTM CAWANGAN SARAWAK:
GALERI ISLAM NUSANTARA
2 JANUARI 2020**

BULETIN *Disediakan oleh : Hapsah Suut* **PERPUSTAKAAN TUN ABUL RAZAK
CAWANGAN SARAWAK**



Perpustakaan UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan pameran secara maya pada 2 Januari 2021, berikutan penularan Pandemik COVID-19 yang melanda negara. Galeri Islam Nusantara ini bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Untuk melihat pameran ini:



Galeri ini menempatkan artifak pameran hasil kajian Wali Songo yang telah dibuat oleh beberapa ahli penyelidik UiTM Sarawak yang diketuai oleh rektor UiTM Sarawak sendiri, Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali. Kegiatan penyelidikan tentang Wali Songo ini telah dimulakan pada April 2014 dan berjalan sehingga kini. Galeri ini pula dinamakan dengan "Galeri Islam Nusantara" yang dipersejuti oleh Tuan Yang Terutama Tun Pehin Seri Hj Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Pameran ini bertujuan untuk berkongsi maklumat kepada warga UiTM. Diharapkan pameran maya ini dapat memberi manfaat dan ilmu pengetahuan kepada warga UiTM.

اقل

**BENKEL MINI PERANCANGAN STRATEGIK PTAR CAWANGAN SARAWAK
6 JANUARI 2020**

BULETIN




PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Bengkel Mini Perancangan Strategik Bahagian Perancangan dan Pembangunan 2021 pada 6 Januari 2021 bertempat di Sudut IT PTAR Kampus Samarahan 2. Bengkel ini melibatkan semua pegawai dan pembantu pustakawan. Objektif bengkel adalah pelaporan tahun 2020, Post-mortem isu-isu tahun 2020, perbincangan mengenalpasti masalah dan isu yang dihadapi tahun 2020, perbincangan cara-cara untuk menambahbaik atau mengatasi masalah yang sama, penerangan dan perbincangan PI Perpustakaan dan perancangan takwim 2021.

26

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:26






LAWATAN PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA KEMAHIRAN PENGURUSAN MUTAWWIF UMRAH DAN ZIARAH

14 JANUARI 2020

BULETIN


Disediakan oleh : Hapsah Suut

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SARAWAK




Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Samarahan 2 (PTAR 2) telah menerima lawatan pelajar program pengajian Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah dan Ziarah pada 29 Januari 2021. UiTM Sarawak memperkenalkan program pengajian Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah dan Ziarah iaitu yang pertama seumpamanya diperkenalkan di negara ini bagi mengiktiraf kerjaya mutawwif di peringkat pendidikan negara.

Modul yang dihasilkan adalah fokus kepada kualiti dan keperluan khusus dari industri umrah dan pelancongan islam di Malaysia serta berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf dengan penekanan kepada komponen praktikal dan pendedahan kepada latihan dalaman industri. Delegasi terdiri daripada 18 orang pelajar dan 4 orang pensyarah. Mereka dibawa melawat sekitar perpustakaan dan ke unit berkaitan serta diberikan penerangan mengenai koleksi dan servis di perpustakaan. Semoga dengan sedikit perkongsian maklumat ini dapat memberi manfaat kepada Delegasi.



MISI BANTUAN BANJIR

14 JANUARI 2020

Pada 14 Januari 2021, Skwad Kelab Kebajikan dan Rekreasi PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengambil satu inisiatif untuk menghantar bantuan bekalan makanan dan minuman kepada staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak yang terjejas dengan bencana banjir baru-baru ini ekoran hujan lebat yang berterusan selama tiga hari berturut-turut. Antara staf yang telah mendapat bantuan ialah Encik Jamil Jawi yang tinggal di Kampung Rantau Panjang, Kuching dan Puan Hapsah Suut yang tinggal di Kampung Pinang, Samarahan.

Bencana banjir yang berlaku pada awal tahun ini telah menjejaskan beberapa kawasan di daerah Kuching serta Kota Samarahan dan akan berterusan untuk beberapa hari lagi. Diharapkan sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan beban yang dihadapi. Ditambah lagi dengan kes COVID-19 yang semakin meningkat, mereka yang terlibat dengan bencana ini semestinya melalui hari yang sukar. Semoga mangsa-mangsa banjir di Sarawak terus tabah menghadapi dugaan ini. Usaha PTAR UiTM Cawangan Sarawak ini telah membuktikan bahawa institusi ini tidak hanya mengambil berat tentang kebajikan pelajar sahaja, tetapi juga kepada staf UiTM Cawangan Sarawak yang ditimpa musibah.

27

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:27

اقبل

PROMOSI@PTAR

Online Databases



LATEST **UiTM Online Databases**

- 1 ACW Digital Library
- 2 American Chemical Society Journal (ACS)
- 3 American Society of Civil Engineers Journal (ASCE)
- 4 ClinicalKey
- 5 ClinicalKey for Nursing
- 6 CLJ Law
- 7 Cochrane Library
- 8 ERSCD: Medline Complete
- 9 ERSCD: Scientific & Medical Arts Imagebase
- 10 Eikon Datastream
- 11 Emerald
- 12 IEEE Explore
- 13 Lexis Advance Malaysia
- 14 LOC Classification Web
- 15 Nielsen Book Data
- 16 ProQuest Dissertation & Thesis
- 17 RDA Toolkit
- 18 Reays
- 19 ScienceDirect
- 20 Scopus
- 21 UpToDate
- 22 Web of Science (WOS, JCR, EndNote)

List updated : 8.2.2021

Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA

STAY CONNECTED
ANYTIME | ANYWHERE | ANYONE

MOOCs@PTAR

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA

STAY CONNECTED
ANYTIME | ANYWHERE | ANYONE

Perpustakaan Tun Abdul Razak

- 01 OPEN LIBRARY ROBERTS
- 02 DISCOVER RESEARCH STRATEGY
- 03 UTM INSTITUTIONAL REPORTERS (UTM IR)
- 04 ELECTRONIC RESOLUTION SYSTEM (ERS)
- 05 WORK MANAGED BY UTM
- 06 QUALITY ASSURANCE MANAGED BY UTM
- 07 REFERENCE MANAGEMENT TOOTHBRUSH
- 08 REFERENCE MANAGEMENT SOFTWARE
- 09 INTRODUCTION TO LIBRARY SYSTEMS
- 10 ADVANCED LIBRARY SEARCH (SCOPUS)
- 11 ADVANCED LIBRARY SEARCH (WOS)

MOOCs@PTAR

Massive Open Online Courses

PTAR has created eleven (11) online learning courses through MOOCs@PTAR to continue our information skill class (eRKM).

Let's join our online learning courses now during ODL at <https://mooc.library.uitm.edu.my/>



Scan Here to Join

How to login:

01 : Username Student / Staff ID

02 : Password National ID Number / Passport Number

<https://library.uitm.edu.my>  [libraryuitm](#)  [uitmlibrary](#)  [libraryuitm](#)

- IQRA' January ms:28



KELAYAKAN AKADEMIK:
Bachelor Of Science In Information Studies (Hons)
(Records Management)

EMEL:
roslah@uitm.edu.my

PUAN ROSLAH BINTI LAMAN

PENGALAMAN BEKERJA

- 1** PTAR UiTM
CAWANGAN MELAKA
1 Ogos 2003 -
30 September 2020
- 2** PTAR UiTM
SHAH ALAM
1 Oktober 2020
sehingga kini

Pada pandangan puan, apakah peranan Pustakawan dalam membantu proses Pengajaran & Pembelajaran secara Open & Distance Learning (ODL) yang dijalankan semasa penularan Pandemik COVID-19?

“

Pandemik COVID-19 yang sedang berlaku secara global bermula pada pertengahan bulan Disember 2019 telah menjejaskan sektor pendidikan tinggi Malaysia di mana pembelajaran secara Open & Distance Learning (ODL) telah dilaksanakan bagi meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Seiring dengan itu juga, Pustakawan memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan maklumat yang disediakan sampai kepada warga universiti terutamanya para pelajar. Promosi secara bersasar merupakan sebahagian peranan yang perlu dijalankan oleh Pustakawan mengikut kelompok golongan pelajar berdasarkan pembahagian mengikut fakulti dan semester agar perkhidmatan sampai kepada semua golongan pelajar terutama sekali kepada pelajar yang tidak pernah lagi masuk ke perpustakaan secara fizikal. Selain itu, Pustakawan juga memainkan peranan penting melalui kaedah pendekatan Program Outreach yang dijalankan secara online dengan kandungan yang bersesuaian agar pelajar diberi pendedahan terhadap perkhidmatan perpustakaan yang disediakan untuk diakses oleh mereka secara online.

**KENALI PUSTAKAWAN
ANDA**

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

29

- IQRA' January ms:29

PUAN ROSLAH BINTI LAMAN

Peranan Pustakawan sebagai Liason Officer mengikut fakulti juga merupakan sebahagian daripada kaedah penyampaian maklumat menerusi medium dan platform yang bersesuaian agar maklumat perkhidmatan perpustakaan dapat disampaikan dengan lebih pantas melalui Liason Officer fakulti yang dilantik. Pustakawan juga perlu lebih kreatif dalam penyampaian maklumat perkhidmatan perpustakaan melalui rekabentuk poster-poster yang menarik agar maklumat yang disampaikan menerusi poster-poster tersebut berupaya menarik perhatian golongan sasaran dan seterusnya menggunakan perkhidmatan yang disediakan dalam proses pembelajaran mereka. Latihan-latihan bersesuaian yang disertai oleh Pustakawan berupaya meningkatkan kemahiran mereka dalam menyebarkan maklumat perkhidmatan perpustakaan kepada golongan sasaran. Penyediaan modul-modul yang bersesuaian bagi Kelas Kemahiran Maklumat amat penting dan merupakan peranan Pustakawan dalam memastikan maklumat yang disediakan dapat disampaikan dan difahami serta digunakan oleh golongan pelajar secara bersasar.

Perkhidmatan perpustakaan juga dapat disampaikan menerusi aktiviti-aktiviti yang membuka ruang penyertaan daripada warga universiti seperti kaedah sistem point dimana warga universiti yang mengakses perkhidmatan perpustakaan yang paling tinggi akan dipilih sebagai pemenang dan diberikan penghargaan. Peranan Pustakawan dalam mencipta dan mewujudkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berimpak berupaya memberi ruang penyertaan yang luas kepada warga universiti disamping memberi pendedahan terhadap perkhidmatan yang disediakan. Sebagai kesimpulan, konsep pendigitalan memperlihatkan tugas baharu kepada Pustakawan dalam menyampaikan perkhidmatan perpustakaan dan ianya merupakan normal baharu yang secara tidak langsung meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat kepada warga kampus terutamanya para pelajar. Perubahan minda Pustakawan ke arah fenomena norma baharu berupaya memacu peranan Pustakawan dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran warga universiti secara ODL.

KENALI PUSTAKAWAN ANDA

30

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

- IQRA' January ms:30

KELAYAKAN AKADEMIK:
Master in Information Management

EMEL:
annita@uitm.edu.my

**PUAN NIK ANNITA
BINTI NIK OMAR**

1992-1996	1996-2006	2006-2009	2009-2015	2015-sekarang
Perp UiTM Dungun	Perp INTEC	PTAR Puncak Perdana	PTAR Puncak Alam	PTA UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang

PENGALAMAN BEKERJA

Apakah peranan Pustakawan dalam membantu proses Pengajaran & Pembelajaran secara Open & Distance Learning (ODL) yang dijalankan semasa penularan Pandemik COVID-19?

“
Secara umumnya, Pustakawan seharusnya memahami permasalahan dan cabaran proses pembelajaran dan pengajaran secara online distance learning yang sedang dihadapi. Antara cabaran yang jelas ialah bahan rujukan yang tidak dapat diakses tanpa menghadirkan diri ke perpustakaan. Oleh itu, Pustakawan boleh mencipta servis-servis baharu yang dapat membantu pengguna mengakses sumber maklumat tanpa memasuki bangunan perpustakaan. Contohnya seperti UiTM Digital Library App yang membantu pengguna mengakses pelbagai maklumat dari PTAR dengan hanya melalui telefon bimbit. Inovasi sebegini adalah amat membantu memandangkan pembelajaran sekarang adalah sepenuhnya melalui atas talian.


**KENALI PUSTAKAWAN
ANDA**



Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

31

- IQRA' January ms:31

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	Perpustakaan Tun Abdul Razak	Unit Penerbitan dan Pemasaran, Bahagian Komunikasi Korporat, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam. No. Tel: 03-5544 3731
--	---------------------------------	--

  **UiTM** *di hatiku* **PTAR**
"LIBRARY for ALL"

Buletin IQRA Perpustakaan Tun Abdul Razak | Bil. Januari 2021

32

- IQRA' January ms:32